



KERAJAAN mewujudkan anugerah Tokoh Maulidur Rasul sebagai memberi semangat kepada umat Islam agar mencontohi peribadi Rasulullah SAW.



BERSELAWAT adalah antara amalan yang amat dituntut ke atas setiap individu Muslim.
- Gambar hiasan

Jangan hanya jadi acara tahunan

IBN Kathir ketika menafsirkan ayat 21 surah al-Ahzab menjelaskan Rasulullah dapat diteladani dalam aspek-aspek berikut:

● Dalam perkataannya

Baginda menjadi ikutan sebagai insan yang berbicara sesuatu dari hati nuraninya yang ikhlas.

Baginda tidak berbicara dan berkata sesuatu yang tidak diperlukan, apa lagi yang sia-sia. Baginda berbicara sesuatu yang mempunyai hubungan dengan kepentingan umat dengan bahasa komunikasi yang mudah difahami.

Baginda sentiasa jujur dan benar, sehingga baginda berpesan bahawa sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah bercakap yang baik, atau diam sahaja.

● Dalam tindakan dan perbuatannya

Baginda sentiasa menyesuaikan perbuatannya dengan pengucapannya. Ketika baginda meminta orang lain berbuat baik, maka bagindalah yang terlebih dahulu melakukannya.

Dalam banyak hal baginda melakukan sesuatu sebelum meminta orang lain melakukannya seperti perbuatan solat iaitu ketika Baginda bersabda yang bermaksud: "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat."

Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohd. Sukki Othman berkata, keadaan songsang yang berlaku

dalam masyarakat mesti diubah agar ia berada pada paksi yang benar dan lurus.

Setiap individu Muslim sewajarnya menjadikan Rasulullah sebagai contoh dalam kehidupan mereka serta berbangga dengan peraturan dan sistem Islam.

Orang yang diredai dan diberi keberkatan oleh Allah dalam hidupnya ialah mereka yang mengamalkan cara hidup Islam.

Benarlah kata Saidina Umar al-Khattab: "Kita adalah satu kaum (golongan) yang dimuliakan Allah sekiranya kita berpegang kepada Islam."

Cuba renung di seluruh dunia hari ini, apa yang terjadi kepada umat Islam? Adakah mereka dipandang mulia?

Berdasarkan kata-kata Saidina Umar itu, jelaslah bahawa umat Islam akan dilanda kehinaan, kemunduran dan sebagainya sekiranya mereka masih menjadikan budaya, sistem dan ideologi yang bercanggah dengan Islam sebagai panduan dalam kehidupan mereka.

Jika setiap nikmat yang kita kecapi sewajarnya dikenang dan disyukuri, maka sebesar-besar nikmat yang wajib kita syukuri adalah nikmat mendapat hidayah

beragama Islam, agama yang sempurna, lengkap dan mencakupi semua bidang kehidupan manusia sama ada dari segi akidah mahupun syariah.

Sesuatu yang lebih malang lagi apabila kedapatan segelintir mereka yang begitu bersemangat memuji nabi SAW dengan selawat dan perarakan langsung tidak menghiraukan kewajipan menunaikan solat apabila telah masuk waktunya

Manakah yang lebih sunah, menunaikan solat atau berselawat kepada nabi? Jawapannya tentu sekali kedua-duanya. Namun, manakah di antara kedua-duanya itu yang lebih utama?

Justeru, apakah memadai memuji nabi dan berseronok dengan perayaan serta perarakan menyambut ulang tahun kelahiran baginda tanpa menghidupkan sunah nabi yang 'wajib' dalam kehidupan? Kalau begitu, apakah selawat kepada nabi hanya boleh dianggap sebagai retorik semata-mata?

Bukan itu sahaja, malahan terdapat dalam kalangan mereka yang berarak memuji nabi langsung tidak mengetahui sirah kehidupan nabi.

Sehubungan dengan itu, masyarakat



MOHD. SUKKI OTHMAN

Islam hendaklah berusaha untuk menilai kembali dari sudut keutamaan dalam kehidupan ini. Menjadi suatu kerugian yang amat dahsyat apabila nilai keutamaan diabaikan.

Akibatnya seseorang itu bersungguh-sungguh melakukan sesuatu yang kurang penting dengan meninggalkan sesuatu yang lebih penting dan utama.

Contoh mudahnya, berapa ramai masyarakat kita yang berduyun-duyun ke masjid menunaikan solat sunat hari raya, namun pada masa yang sama terdapat dalam kalangan mereka yang sewenang-wenangnya meninggalkan kefaruan solat lima waktu.

Manakah yang lebih utama, solat raya atau solat subuh? Kalau penekanan terhadap penilaian keutamaan difokuskan, sudah tentu mereka yang berjemaah menunaikan solat sunat hari raya tidak akan melepaskan peluang berjemaah menunaikan solat lima waktu kerana keyakinan yang mendalam bahawa solat fardu lima waktu itulah yang lebih utama.

Wajib jaga perpaduan

Menurut Mohd. Sukki lagi, antara yang ditekankan oleh Islam adalah sifat kasih sayang, persaudaraan dan prihatin sesama insan amat penting di dalam kehidupan.

Katanya, ajaran Islam sangat menekankan persaudaraan sesama Islam sehinggakan orang Islam itu diibaratkan oleh Rasulullah sebagai satu tubuh badan, apabila salah satu anggota sakit, maka keseluruhannya akan turut berasa sakit.

Daripada Nu'man bin Basyir r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Perumpamaan orang mukmin dalam kasih sayang, rahmat-merahmati dan kemesraan adalah seperti sekujur tubuh, apabila salah satu daripada anggotanya merintih kesakitan, maka segala anggota lain akan turut sama berjaga malam dan demam (dalam menanggung kesakitan).* (riwayat Bukhari & Muslim). "Perpaduan adalah wajib sebaliknya perpecahan adalah haram. Di kala musuh Islam bersatu, umat Islam terus berpecah, ini merupakan kerugian yang amat sangat.

"Akhirnya bilangan umat Islam ramai tetapi tidak dapat memberi manfaat dan kekuatan. Kerana ditimpa penyakit wahan iaitu cintakan dunia dan takut mati," katanya.



MAULIDUR Rasul bukan setakat meraikan ulang tahun kelahiran Rasulullah, tetapi yang lebih penting mencontohi setiap aspek kehidupan baginda. - Gambar hiasan.

SAMBUTAN Maulidur Rasul bukan sekadar perarakan tetapi lebih kepada menghayati kepimpinan dan keperibadian Rasulullah SAW.